

Tarbiah dalam Novel Papa... (akhirnya kau tewas jua!)

Education Through the Novel 'Papa... (akhirnya kau tewas jua!)

MAHARAM MAMAT

Pusat Pengajian Umum, Universiti Kebangsaan Malaysia
maharam@ukm.my

MAISARAH YAACOB & NORASIAH ABDULLAH
Institut Pendidikan Guru, Bangi, Selangor D.E

ABSTRAK

Kajian ini bertujuan menganalisis nilai tarbiah yang terdapat dalam novel komponen sastera (KOMSAS). Teks novel KOMSAS tingkatan empat ini digunakan sebagai bahan analisis dengan menggunakan unsur tarbiah berdasarkan Teori Takmilah. Karya yang berkualiti mampu mentarbiah pembaca seterusnya melahirkan khalayak yang *kamil*. Murid sekolah sebagai khalayak yang dikaji perlu diberi input ilmu tambahan dalam bidang kesusasteraan dan kebudayaan agar novel yang disajikan lebih memanusiakan mereka. Proses tarbiah yang berkesan mampu menjadikan murid seorang insan yang berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan dan kemanusiaan. Dapatan kajian ini penting kepada Pusat Perkembangan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia sebagai dasar penggubalan Kurikulum Bahasa Malaysia selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Wawasan 2020.

Kata Kunci: Tarbiah; Teori Takmilah; KOMSAS; novel; khalayak

ABSTRACT

This study aims to analyse the concept of 'tarbiah' of the education values contained in the literary novel in the literature components (KOMSAS). The KOMSAS novel for form four secondary school text will be used to analyse the education values based upon the 'Takmilah Theory'. It is believed that literary works which adhere very much to the 'tarbiah' concept will somehow influence the readers and in the long run, the ultimate goal is to be able to produce 'wholesome' individuals. School children should be given exposures to literary works of such kind and also not forgetting the culture, so that they are able

to understand the facts of life in many perspectives. The education of values in the novel also will make the individuals to think more about being kind, truthful, gentle, polite, firm, having good manners and thus, appreciating the artistic beauty of life and humanity. The findings of this study is important to the Curriculum Development Centre as a base for developing the Bahasa Malaysia curriculum in line with the National Education Philosophy and Wawasan 2020.

Keywords: ‘Tarbiah’; Takmilah Theory; KOMSAS; novel; readers

PENGENALAN

Transformasi pendidikan sering dilaksanakan dalam sesebuah negara seiring dengan pembangunannya. Malaysia antara yang kerap melaksanakan perkara ini demi memastikan kualiti, peluang dan pendemokrasian pendidikan sentiasa dipertingkatkan. Ini bersesuaian dengan hasrat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) yang bermatlamat untuk mewujudkan insan yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada Tuhan. Pembentukan insan seimbang akan menjana pembangunan dan kemajuan ketamadunan manusia dalam sesebuah negara. Pendidikan yang komprehensif merupakan saluran terbaik dalam merealisasikan harapan tersebut.

Sejajar dengan dasar matlamat FPK, pada tahun 1999 Kementerian Pelajaran telah melakukan transformasi Sukatan Pelajaran Bahasa dengan memperkenalkan Komponen Sastera (KOMSAS) dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia. Kandungan KOMSAS dalam setiap tingkatan adalah sebuah novel dan sebuah antologi. Novel yang diguna pakai adalah mengikut zon, ini bermakna ada empat novel untuk setiap tingkatan. Antologi yang digunakan adalah sama bagi semua tingkatan di seluruh negara. Kandungan dalam antologi merangkumi puisi tradisional, puisi moden, prosa tradisional, drama, dan cerpen.

LATAR BELAKANG KAJIAN

Teks KOMSAS mampu menjadikan murid seorang insan berfikir tentang kebaikan, kebenaran, kehalusan budi pekerti, kesantunan bahasa, kecekalan hati, keindahan seni dan seterusnya menghargai kehidupan dan nilai kemanusiaan (Alimuddin Mohd Dom, 2009). Demi mencapai matlamat di atas, kesemua novel yang diperkenalkan mengalami sedikit perubahan berbanding karya asal. Novel edisi pelajar berkonsepkan tiga dimensi iaitu pertama dimensi bahan-teks yang dipilih itu berkualiti, terbaik, sesuai dan menepati kurikulum kebangsaan,

kedua dimensi guru-teks boleh dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran dan pembelajaran, menepati Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Rukun Negara, dan ketiga dimensi murid-teks mudah difahami, dekat dengan kehidupan murid, boleh menarik minat murid, mencetus kreativiti dan teks itu boleh dihayati oleh murid.

Pendidikan adalah proses dan aktiviti yang membawa perubahan kepada seseorang mengikut norma dan nilai sesebuah masyarakat. Konsep pendidikan dalam Islam ditanggapi sebagai mendidik, membentuk dan melatih individu dalam pelbagai aspek sama ada jasmani, rohani, akal, perasaan, akhlak dan kesedaran sosial bagi melahirkan manusia yang sempurna: beriman, bertaqwa, berakhlak mulia, sihat tubuh badan, berilmu dan berkemahiran dalam kerjaya (Abdullah Ishak, 1995:)

Tarbiah adalah perkataan pinjaman daripada bahasa Arab yang diterjemahkan sebagai pendidikan, pengasuhan. Ini bermakna tarbiah juga membawa maksud ajar, jaga dan pelihara. Kamus Bahasa Arab Al Miftah (2007:453), tarbiah bermaksud pendidikan yang bukan sahaja kepada manusia bahkan kepada makhluk Allah SWT yang membawa erti mendidik, mengajar, memelihara dan menternak. Proses insaniah ini merujuk kepada lima fakulti dalam diri manusia iaitu alamiah, inderawiah, hati nurani, akal dan rohani yang akan menjurus kepada kesempurnaan seorang insan. Situasi ini akan membentuk kesempurnaan fitrah manusia dan mampu hidup sempurna selaras dengan FPK dan terpenting kesejahteraan dan keredhaan Allah SWT.

PERMASALAHAN KAJIAN

Berdasarkan pemilihan teks KOMSAS yang digunakan sebelum ini (2000-2010) ada yang berpendapat sesetengah daripada novel yang digunakan kurang sesuai untuk bacaan murid kerana berunsur negatif (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005:110). Situasi yang sama turut diperkatakan dengan pemilihan novel KOMSAS terkini oleh Fatimah Busu (Berita Harian 5 April 2011), mempersoalkan ada naskhah kajian sastera di sekolah tidak langsung sesuai diangkat teks kerana tidak memaparkan unsur moral yang baik untuk membantu pembentukan insan. Persoalan yang bakal dirungkaikan dalam kajian adakah teks yang dipilih tidak memaparkan nilai moral yang baik seperti yang didakwa sedangkan teks yang dimaksudkan pernah memenangi Hadiah Utama Kategori Novel Remaja Hadiah Sastera Utusan Melayu dan Public Bank pada tahun 1994. Kajian seterusnya telah mencari unsur tarbiah dalam novel KOMSAS yang digunakan oleh murid tingkatan empat di seluruh negara. Penelitian berdasarkan analisis teks dalam gagasan Teori Takmilah.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian tarbiah dalam karya KOMSAS edisi sekarang masih belum dibicarakan secara meluas. Objektif kajian ini meneliti dua aspek utama iaitu;

1. merungkaikan unsur-unsur tarbiah berdasarkan Teori Takmilah,
2. mengenal pasti dan menganalisis unsur-unsur tarbiah dalam novel KOMSAS.

ANALISIS KAJIAN

Tarbiah adalah perkataan pinjaman daripada bahasa Arab yang diterjemahkan sebagai pendidikan, pengasuhan. Ini bermakna tarbiah juga membawa maksud ajar, jaga dan pelihara. Kamus Bahasa Arab Al Miftah (2007:453), tarbiah bermaksud pendidikan yang bukan sahaja kepada manusia bahkan kepada makhluk Allah SWT yang membawa erti mendidik, mengajar, memelihara dan menternak. Proses insaniah ini merujuk kepada lima fakulti dalam diri manusia iaitu alamiah, inderawiah, hati nurani, akal dan rohani yang akan menjurus kepada kesempurnaan seorang insan. Situasi ini akan membentuk kesempurnaan fitrah manusia dan mampu hidup sempurna selaras dengan FPK dan terpenting kesejahteraan dan keredhaan Allah SWT.

Kajian tarbiah berdasarkan novel dalam KOMSAS akan menganalisis proses, pemeliharaan, penjagaan, pengurusan, dan penyampaian ilmu yang memberi petunjuk, bimbingan dan penyempurnaan akhlak kepada murid. Pendidikan bagi keseluruhan hidup termasuklah akal, hati dan rohani, jasmani, akhlak, dan tingkah laku. Ia bertujuan menyediakan manusia bagi menghadapi masyarakat yang sering menghadapi kebaikan dan kejahatan, kemanisan dan kepahitan (Yusuf al-Qardawi,1983)

Kesempurnaan insaniah bergantung kepada kesempurnaan hubungan dengan Allah SWT (*habl min Allah*) dan hubungan manusia dengan manusia (*habl min nas*). Pendidikan bahasa Melayu dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) menanam kesedaran terhadap unsur dan nilai kemanusiaan secara menyeluruh melalui pembacaan bahan ilmu dan hasil kesusasteraan Melayu (Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan V, 1992:vii). Penerapan elemen-elemen positif dalam karya-karya sastera mampu menjadikan murid insan yang berfikir tentang kebaikan, kehalusan budi pekerti, kesantunan berbahasa, kececalan hati, keindahan seni dan kebenaran (Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir, 2005:87). Kesepaduan matlamat ini membuktikan pengenalan KOMSAS mampu mentarbiahkan murid mengikut matlamat FPK.

TEORI TAKMILAH

Kajian ini menganalisis novel yang digunakan dalam KOMSAS mata pelajaran Bahasa Malaysia berdasarkan Teori Takmilah. Skop kajian adalah aspek tarbiah berdasarkan prinsip hubungan manusia dengan Allah SWT dan hubungan manusia dengan manusia berdasarkan Teori Takmilah iaitu, pertama, prinsip ketuhanan yang bersifat Kamal (sempurna). Kedua, teori ini juga berpegang pada prinsip kerasulan sebagai insan Kamil (sempurna) dan, ketiga, prinsip keislaman yang bersifat akmal (sempurna). Prinsip keempat dalam teori ini menekankan prinsip ilmu dengan karya sastra yang bersifat Takmilah (menyempurnakan). Dan, pada prinsip kelima, memastikan prinsip sastra sendiri yang berciri estetik dan bersifat Takmilah (sempurna dan menyempurnakan). Prinsip berikutnya menjurus kepada pengkarya yang seharusnya mengistimikan diri (menyempurnakan), dan prinsip terakhir memfokus kepada khalayak bertujuan memupuk mereka ke arah insan Kamil (sempurna). (Kamariah Kamarudin, 2011:79)

Fokus kajian merujuk kepada prinsip ketujuh yang menekan prinsip khalayak (pembaca). Khalayak yang aktif akan mendapat kesan positif daripada apa-apa bahan yang dijadikan bacaan. Kesenambungan akan memupuk khalayak ke arah insan yang kamil. Pengutaraan kesan yang baik dan murni ini bukan sekadar menampilkan karya dengan makna yang tersurat tetapi merangkumi makna yang tersirat agar khalayak benar-benar menikmati nilai kebaikan dan kemurnian sebagai teladan atau iktibar dalam kehidupan mereka (Kamariah Kamarudin, 2011:100) Kesan kenaikan ini perlu dipupuk dari awal dan secara berterusan demi melahirkan satu masyarakat yang harmoni dalam mengenal diri sendiri dan keharmonian dengan Allah sebagai Pencipta Yang Maha Agung.

Al-Quran menggarapkan kepentingan dan kesejahteraan manusia dalam kehidupan berdasarkan beberapa ayat, antaranya Surah al-Baqarah ayat 272, surah an-Nisa ayat 40, surah al-Qasas ayat 84 yang bermaksud “Barang siapa yang datang dengan (membawa) kebaikan, maka baginya (pahala) yang lebih baik daripadanya kebaikannya itu; dan barang siapa yang datang dengan (membawa) kejahatan, maka tidaklah diberi pembalasan kepada orang-orang yang mengerjakan itu, melainkan (seimbang) dengan apa yang dahulu mereka kerjakan”. Panduan yang telah tersedia memerlukan pemerhatian, pemahaman dan penghayatan dalam kehidupan. Proses ini memerlukan proses pembelajaran yang menyeluruh melalui lima tahap fakulti keinsanan berdasarkan Teori Takmilah. Rangkuman fakulti alamiah, inderawi, hati nurani, akal dan kerohanian adalah saling berkaitan dan menghasilkan proses pendidikan yang seimbang.

Proses pendidikan dan pengembangan keinsanan yang menyeluruh menuntut tanggungjawab daripada ibu bapa, sistem pendidikan dan masyarakat. Istiqamah dalam pengisian pendidikan keinsanan penting lantaran kelompok inilah kelak yang bakal menerajui kepimpinan negara. Abdullah Nashih Ulwan berpendapat aspek pendidikan dan pentarbiahan kepada anak-anak adalah; iman, akhlak, fizikal, intelektual, psikologi, sosial dan seksual. Aspek-aspek ini merupakan kesepaduan dalam membentuk insan yang kamil. Perbincangan ini akan mengupas secara mendalam aspek iman, akhlak, fizikal dan sosial. Penerapan aspek ini akan dianalisis dalam novel PAPA...(akhirnya kau tewas jua!) karya Deana Yusof. Novel ini digunakan oleh semua murid tingkatan empat bagi zon dua iaitu negeri Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya serta Negeri Sembilan.

SINOPSIS NOVEL

PAPA...(akhirnya kau tewas jua!)-Tingkatan 4 (zon 2)

Intan Julia adalah tunggal apabila ibunya dinasihatkan jangan bersalin lagi. Bapanya Jeffri menerima ketentuan itu dengan hati yang terbuka. Situasi ini berbeza dengan Marliana, dia bertekad meneruskan kandungan dan pasrah kepada Ilahi demi membuktikan kasih sayangnya pada suami. Keadaan ini menyebabkan dia koma selama tiga tahun kerana komplikasi semasa melahirkan anak kembar siam

Kesepian ini menyebabkan papanya mula rapat dengan Aisyah, pelajarinya sendiri di universiti. Intan Julia tidak dapat menerima keadaan ini, kerana dia bimbang keadaan mama akan terabai. Jeffri tetap menjaga dan menyayangi isterinya, malah dia sanggup membatalkan hasratnya berkahwin jika anaknya tidak setuju. Intan Julia akhirnya bersetuju membenarkan papanya berkahwin dan dalam masa yang sama dia mulai rapat dengan Rasydan rakan sekuliahnya. Kesetiaan dan kasih sayang dibuktikan dengan penjagaan yang rapi kepada isterinya. Dia sanggup meminta izin daripada doktor untuk menjaga isterinya di rumah. Keikhlasan terbalas apabila suatu hari isteri sedar dari koma dengan membuka mata dan cuba bercakap. Apabila mendapat penjelasan sebenar dari papa, mama tidak dapat menerima keadaan itu, dia kecewa dan menangis yang akhirnya membawa kepada menghembuskan nafasnya yang terakhir. Papa sangat sedih dengan situasi ini dan kali ini papanya tidak dapat lagi menahan air mata, buat pertama kali dia melihat papanya menangis.

TARBIAH IMAN

Perbincangan akan mencakupi tentang tauhid (keyakinan), ibadah (pelaksanaan tugas) dan keimanan, yang mana ketiga-tiga aspek ini menekankan konsep manusia dalam mengenal Penciptanya. Pendidikan tauhid yang mantap akan membawa pengabdian manusia sebagai makhluk yang lemah, ini selaras dengan terjemahan al-Quran dalam Surah al-Bayyinah ayat: 6 yang bermaksud:

“Dan mereka tiadalah disuruh melainkan supaya menyembah Allah serta mengikhlasakan agama bagi-Nya (beribadah mengharapkan keredaan-Nya) sambil cenderung kepada Tauhid”.

Manusia wajib beriman kepada Allah SWT dengan zat, sifat dan Esa penciptaannya, seterusnya kepada malaikat, kitab, hari akhirat dan qadha dan qadar-Nya.

Pendidikan ibadah akan mendekatkan hubungan manusia dengan Allah SWT semasa mereka melaksanakan pelbagai ibadah seperti sembahyang, puasa, zakat, mengerjakan haji dan lain-lain lagi. Akidah Islam dengan segala rukun dan ciri-cirinya adalah asas yang kukuh bagi setiap binaan masyarakat yang kukuh (Yusuf al-Qardhawi, 2000:40).

Keimanan yang sempurna bermula sedari kecil lagi dan proses tarbiah ini adalah berterusan agar manusia sedar bahawa dalam setiap urusan mereka memerlukan pertolongan Allah SWT. Dalam surah al-Fatihah ayat kelima terjemahannya bermaksud:

“Hanya Engkaulah (ya Allah) yang kami sembah dan hanya Engkaulah kami minta pertolongan. Tunjukkanlah (hati) kami yang lurus”.

Keimanan yang sempurna dapat mendidik dan membentuk sahsiah manusia yang teguh dan berakhlak mulia.

Novel *Papa...(akhirnya kau tewas jua!)*, mengisahkan kesedihan yang dialami Intan Juliana tatkala mengetahui papanya berhasrat berkahwin lagi. Kepiluan mengenangkan nasib yang dialami mamanya yang kini terlantar dan koma yang panjang semata-mata ingin membuktikan cinta kepada papanya. Kesedihan yang sukar diterima oleh seorang anak remaja seusianya, namun Julia akur kerana keimanan yang dimiliki membolehkan dia sedar betapa ini adalah ketentuan Ilahi:

Aku takut akan disia-siakan walaupun beberapa kali papa telah mengulangnya bahawa tempatku dan mama adalah terlalu istimewa dalam dirinya. Aku meragukannya kerana aku percaya jika Tuhan mahu makhluknya berubah, dalam sekelip mata pun keadaan itu pasti terjadi.

(Deana Yusof, 2009:180)

Novel ini memaparkan nilai keimanan yang tinggi. Watak Jeffri, Mak Cik Noraini, Intan Juliana dan Rasydan menghadapi segala rintangan dan cabaran dengan penuh kesabaran. Segala cubaan dan halangan di atasi dengan cara yang bijaksana berpandukan agama Islam.

TARBIAH AKHLAK

Konsep tarbiah akhlak adalah membentuk budi pekerti yang luhur dalam jiwa manusia dan bermula di peringkat akil baligh sehingga mukalaf dan meningkat dewasa. Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud. “*Tiadalah yang lebih utama yang diberikan seorang ayah kepada anaknya daripada akhlak yang baik*” (HR: Tarmizi dan Ayub bin Musa). Menurut Iman Al-Ghazali pendidikan akhlak akan dapat memperindah peribadi dan memperluaskan budi pekerti serta dapat mendekatkan diri kepada Allah dan mencapai tahap kemuliaan. Pendidikan akhlak akan membiasakan manusia berlaku benar, jujur, amanah, menghormati ibu bapa, suka membantu dan bersifat kasih sayang sesama manusia. Akhlak yang nilai-nilainya Allah sendiri menentukan, itulah yang menjadikan laku perbuatan muslim amal soleh, baik dalam bidang agama atau kebudayaan (Haron Din, 2010:352). Tarbiah akhlak terpuji akan membawa kesejahteraan kepada masyarakat dan negara, seterusnya kesejahteraan di akhirat kelak.

Novel *Papa...akhirnya kau tewas jua!*, agak dominan memaparkan tarbiah akhlak. Bersesuaian dengan tema kekeluargaan yang ditonjolkan dalam novel ini. Watak utama Intan Juliana digambarkan seorang yang sangat sayang akan kedua-dua ibu bapa:

Aku seperti terkena histeria, melompat dan terus memeluk papa dan kemudian mencium mama pula mama yang memerhatikan sahaja gelagatku. Aku begitu gembira.

(Deana Yusof, 2009:18)

Tarbiah akhlak yang ditonjolkan dalam novel ini membuktikan anak yang sentiasa berakhlak baik akan berjaya dalam pelajaran dan juga kehidupan. Kejayaan Intan Juliana dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) amat membanggakan papanya. Julia kemudian melanjutkan pelajaran di Kolej Matrikulasi UIA dan sesungguhnya kejayaan begini merupakan sesuatu yang diimpikan oleh setiap ibu bapa.

Tarbiah akhlak seterusnya dipaparkan dalam novel ini seperti sifat penyayang dan tetap pendirian. Julia digambarkan sangat menyayangi pembantu rumahnya:

“... sedang aku asyik memerhatikan gelagat dua orang wanita yang aku kasihi itu berbual di dapur, tiba-tiba kedengaran bunyi kereta dihonkan...Aku terus berlari-lari keluar rumah untuk menyambutnya. Kekadang aku terlupa bahawa aku kini sudah menjadi anak dara sunti dan tidak manis lagi untuk mengejar papa yang baru pulang...”

(Deana Yusof,2009:23)

Manusia yang berakhlak mulia akan disenangi sesiapa sahaja dalam kehidupan ini. Akhlak mulia akan memberi ruang dan peluang yang jelas membina kehidupan dan Allah SWT sentiasa mengingat manusia akan pahala berakhlak mulia. Dalam keresahan dan harga diri yang dipinggirkan lantaran status sebagai anak luar nikah menyebabkan Rasydan berada dalam tekanan. Kesudian dan kesanggupan Julia untuk terus berkawan dengannya adalah suatu anugerah yang tidak ternilai. Julia tidak mudah terpengaruh dengan status Rasydan yang baru diketahui, dia tetap dengan pendiriannya.

“Lan, awak ada saya! Saya tetap akan sentiasa ada dekat awak untuk menghadapi segala dugaan ini...”

(Deana Yusof,2009:135)

Tarbiah yang dapat dikutip dari petikan memberi teladan bagaimana menghadapi orang yang sangat berada dalam kesulitan. Kesalahan yang pernah dilakukan oleh ibu dan bapa Rasydan adalah dosa mereka dengan Allah SWT, mengapa anak yang dilahirkan itu perlu dihukum lantaran kesalahan kedua-dua ibu dan bapanya. Sesungguhnya tiada seorang anak yang ingin dilahirkan dalam situasi terkutuk itu. Kesediaan Julia untuk terus berkawan dan berkongsi masalah adalah satu keputusan yang bijak dan mampu memberi kekuatan ketenangan kepada Rasydan untuk meneruskan kehidupan.

Keupayaan manusia untuk mengenali diri dan menjaga kehormatan akan mendorong mereka melakukan perkara-perkara yang positif dan dibenarkan oleh agama. Kesedaran ini amat penting membolehkan mereka sentiasa mengharapkan keredaan ibu bapa dan Allah SWT sebelum melaksanakan sesuatu tindakan.

TARBIAH FIZIKAL

Kesempurnaan tarbiah fizikal berperanan membangunkan manusia yang soleh. Ini kerana fizikal dikaitkan dengan jiwa, intelektual atau mental dan roh. Islam menuntut umatnya mempunyai kelebihan bererti mempunyai kualiti tinggi dan hasil kerja yang tinggi. Sebenarnya hasil kualiti tinggi atau rendah

ditentukan oleh kawalan mutu (Abdul Rahman Rukaini, 2001:10). Manusia wajib menjaga kesempurnaan fizikal mereka seperti kesihatan dan kebersihan badan, keperibadian menarik, permainan olahraga, dan menjauhi segala larangan dalam agama.

Kesempurnaan tarbiah fizikal akan memudahkan manusia menjalankan tugas sebagai khalifah di dunia ini, memartabatkan kejadian manusia sebagai sebaik-baik makhluk dan memberi semangat keperwiraan dan menyiapkan diri bagi kekuatan dan ketahanan badan dalam mempertahankan agama Allah SWT. Ini bersesuaian dengan terjemahan dalam al-Quran ayat al-Anfal ayat 60 yang bermaksud:

“hendaklah kamu bersedia untuk melawan mereka (musuh) sekadar tenaga, kekuatan dan kuda yang berpaut, dengan demikian kamu mempertakuti musuh Allah dan musuhmu”.

Kesempurnaan tarbiah fizikal akan membawa kepada kemashlahatan manusia sejagat.

Novel *Papa...akhirnya kau tewas jua!*, menekankan penjagaan tarbiah fizikal dalam semua aspek. Keluarga Jeffri digambarkan mempunyai semua ciri kepentingan tarbiah fizikal seperti kesihatan, kebersihan, peribadi yang menarik, dan aktif berolahraga. Apa-apa sahaja aktiviti yang dilakukan mereka tidak pernah melalaikan kewajipan kepada Allah SWT;

“Pergi mandi dan salin baju. Bersolat dahulu baru boleh pergi main tenis!” perintahnya. Kulihat mukanya sungguh serius.

(Deana Yusof,2009:25)

Digambarkan mereka sekeluarga mempunyai hobi yang sama iaitu bermain tenis. Aktiviti ini jika dilaksanakan bersama-sama akan dapat merapatkan kasih sayang dalam keluarga. Kecergasan dan keterampilan fizikal merupakan satu imej yang penting dalam agama. Islam amat mementingkan kebersihan, kesihatan dan keperibadian yang mantap. Keadaan begini akan menjadikan pendakwah dan agama Islam dipandang positif dan mampu menarik perhatian penganut baharu.

Memiliki kesempurnaan fizikal akan memberi kelebihan untuk melaksanakan pelbagai tugas tambahan. Tarbiah yang ditonjolkan dalam novel ini adalah keharmonian dalaman (rohani) akan memberi kekuatan kepada fizikal manusia. Mak Cik Noraini yang kematian suami dan kedua-dua orang anaknya 17 tahun lalu, kini masih sihat dan dapat meneruskan tugas sebagai seorang pembantu rumah yang sangat disayangi majikannya.

Aku mengalihkan pandangan ke arah Mak Cik Noraini yang sedang sibuk bekerja macam lipas kudung...”

(Deana Yusof, 2009:215)

Orang-orang yang sihat dan mempunyai kekuatan fizikal mampu melaksanakan tugas dengan sempurna, mereka bersedia menghadapi ujian dan cabaran untuk mencapai kejayaan. Mereka mampu berjihad dengan menyuruh yang ma'ruf dan melarang daripada yang mungkar. Di sekolah, murid-murid yang sihat, aktif dalam sukan akan disenangi. Golongan ini biasanya bebas daripada gejala-gejala yang negatif dan aktif dalam pembelajaran. Sesungguhnya badan yang cergas akan melahirkan minda yang cerdas.

TARBIAH SOSIAL

Tarbiah sosial penting dalam kehidupan manusia kerana ia menumbuhkan perasaan tanggungjawab dan semangat tolong-menolong dalam masyarakat dalam melaksanakan perjuangan dalam kehidupan. Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Barang siapa memudahkan kesulitan saudaranya dalam kesulitan dunia, nescaya Allah akan memudahkan kesulitannya di hari kiamat”

(Hadis Riwayat: Muslim).

Tujuan tarbiah sosial adalah memupuk semangat perpaduan, menegakkan keadilan, melahirkan semangat rela berkorban, menegakkan konsep amar makruf dan nahi mungkar dan memberi petunjuk agar manusia sering menggembleng tenaga, ilmu dan fikiran untuk memajukan masyarakat demi kepentingan agama, bangsa dan negara.

Novel *Papa...akhirnya kau tewas jua!*, memaparkan rasa tanggungjawab dalam membina masyarakat agar membentuk masyarakat yang harmoni. Intan Juliana menerima status baharu teman lelakinya Rasylan dengan hati terbuka;

“Saya telah dilahirkan tujuh bulan kemudian dan diletakkan berhampiran dengan longkang besar menghala ke sebuah masjid di Bandar Klang. Ibu mahukan saya mati sahaja kerana kelahiran saya tidak berayah dan dia tidak sanggup menanggung malu besar.”

(Deanna Yusuf,2009:175)

Persahabatan akrab yang terjalin selama ini tidak terjejas, walau pun Rasylan sendiri begitu getir untuk menghadapi kenyataan akan identiti dirinya. Sikap Intan Juliana telah memberi kekuatan dan keyakinan kepada Rasylan, betapa

bayi sepertinya adalah mangsa gejala sosial yang kritikal dan dia adalah bersih daripada sebarang kesalahan dalam keadaan itu. Tarbiah sosial ini menyedarkan kita agar jangan pandai-pandai memberi hukuman apalagi jika hukuman itu sudah jelas tercatat dalam al-Quran dan al-Hadis.

Dalam novel ini Rasydan yang bernasib malang digambarkan tetap mengenang budi. Dia begitu bersyukur kerana mempunyai bapa angkat seperti Datuk Mustakim, malah menganggap keluarga itu sebagai keluarganya yang sebenar:

“Mujur ketika itu adad seorang hamba Allah yang sudi mengambil dan menjadikan saya anak angkat. Kalau tidak, saya sendiri tidak tahu apa yang akan terjadi,”

(Deana Yusof,2009:207)

Rasydan lebih selesa meneruskan kehidupan dengan situasi yang sedia ada berbanding menerima kehadiran bapanya walaupun seorang pensyarah di tempat dia belajar. Rasydan sedar bahawa suatu masa nanti, dia akan menerima kenyataan bahawa Encik Muaz al-Khalibi sebagai bapa kandungnya. Dia akan akur kepada ketetapan alam dan agama yang Islam yang meletakkan kedudukan yang tinggi kepada kedua-dua ibu dan bapa.

Pengajaran yang dikutip daripada kesediaan Rasydan menerima kenyataan dalam hidup dengan cara yang positif amat berkesan. Ini kerana pelbagai dugaan yang melanda remaja sekolah hari ini. Era teknologi yang telah meledak dunia menjadikan mereka tidak dapat melarikan diri, apa yang penting kesediaan dan kebijaksanaan menyesuaikan diri dengan keadaan. Murid-murid perlu menerima kenyataan dalam hidup dan mereka tidak boleh lari daripada masalah. Keupayaan berkomunikasi dan bersosial dengan keluarga, rakan, sekolah dan masyarakat akan mampu menyediakan mereka dengan kehidupan yang lebih sempurna, lengkap dan membahagiakan.

PENUTUP

Merujuk kepada analisis yang di atas, penggunaan teks KOMSAS tingkatan empat ini amat bersesuaian dan menepati nilai keinsanan yang ingin diaplikasikan dalam FPK. Nilai kemanusiaan yang diterapkan sesuai untuk mentarbiahkan murid. Cara tarbiah keimanan, tarbiah akhlak, tarbiah fizikal dan tarbiah sosial digarap dalam novel amat menarik dan bersesuaian dengan persekitaran murid. Mereka dapat membayangkan situasi yang berlaku kerana latar dan watak tempatan digunakan sepenuhnya. Peristiwa yang dipaparkan dan pengajaran yang dapat diamalkan akan membentuk satu kesinambungan

keinsanan yang harmoni.

Teks tingkatan empat ini yang digunakan mempunyai kelebihan dan keistimewaan berdasarkan ketiga- tiga kriteria yang ditetapkan oleh PPK iaitu dimensi bahan, dimensi guru dan dimensi murid. Keadaan ini memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran dilaksanakan dalam kelas, sekali gus memudahkan proses pentarbiahan kepada murid. Kejayaan sepenuhnya proses pentarbiahan ini memerlukan komitmen semua pihak terutama barisan pentadbir dan guru serta ibu bapa sebagai *role model* dalam kehidupan murid. Usaha sama yang dilakukan secara berterusan dan sentiasa diberi pemantauan akan mampu merubah murid, kerana naluri semula jadi manusia yang ingin mendekati penciptanya dan cinta akan perubahan ke arah kebaikan. Keupayaan menyediakan ruang yang positif dalam bahan pembacaan seperti novel yang dianalisis ini akan memupuk insan yang *kamil* selaras dengan prinsip ketujuh dalam Teori Takmilah. Kesemua prinsip yang diadun akan saling melengkapi dalam menghasilkan seorang insan yang sempurna yang diharapkan dalam Teori Takmilah.

RUJUKAN

- Deana Yusof. 2009. *Papa...Aakhirnya Kau Tewas Jua!* Ampang: Pekan Ilmu Publications.
- Abdullah Ishak. 1995. *Pendidikan Islam dan Pengaruhnya di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Abdul Rahman Rukaini. 2001. *Akhlak Membangun Jati Diri*, Semenyih Selangor: Synerymate Sdn Bhd.
- Abdurrahman An-Nahlawi. 2004. *Pendidikan Islam di Sekolah, Rumah dan Masyarakat*. Jakarta: Gema Insani.
- Ahmad Hatta. 2009. *Tafsir Quran Per kata*. Jakarta: Maghfirah Pustaka.
- Al-Miftah. 2007. *A Modern Arabic-Malay-English Dictionary*. Negeri Sembilan: Al-Azhar Media Enterprise.
- Abdul Halim El- Muhammadiyah. 1991. *Pendidikan Islam, Falsafah Disiplin dan Peranan Pendidik*. Dewan Pustaka Imam.
- Abdul Halim El-Muhammady, 'Uthman El-Muhammady. 2002. *Tasawwur Islam Huraian Konsep& Implikasi dalam Kehidupan*. Kajang: Penerbit Institut Pengajian Ilmu-ilmu Islam.
- Hamka. 1996. *Tasauf Moden*. Kuala Lumpur: Penerbit Darul Nu'man
- Hamzah Hamdani. 2006. *Sastera Kebangsaan Isu dan Cabaran* (Penyelenggara) Hamzah Hamdani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Langgulung. 1985. *Pendidikan dan Peradaban Islam*. Jakarta: Pustaka Al-Husna.

- Haron Din. 2010. *Manusia dan Islam jilid dua*. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- Haron Din. 2010. *Manusia dan Islam jilid tiga*. Kuala Lumpur : Dewan bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. 2011. *Takmilah dalam Novel Melayu*. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syadid. 2003. *Manhaj Tarbiyah Metode Pembinaan dalam al-Quran*, Jakarta: Robbani Press.
- Muhamad Uthman El-Muhammady, *Islam Peribadi Tarbiah dan Institusi*, Kota Bharu: Majlis Agama Islam Kelantan.
- Muhammad Uthman El-Muhammady. 1984. *Sastera dan Agama*. (penyelenggara) Prof. Datuk Ismail Hussein. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mustafa Hj. Daud. 1994. *Kesusasteraan dalam Tamadun Islam*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors.

SURAT PEKELILING

- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1986. Pendidikan di Malaysia, Kuala Lumpur: Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Pelajaran.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 1990. Huraian Sukatan Pelajaran Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2001. Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah Bahasa Malaysia. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Kementerian Pelajaran Malaysia. 2010. Buku Panduan Guru Komponen Sastera dalam Mata Pelajaran Bahasa Malaysia Tingkatan Lima. Kuala Lumpur, Bahagian Pembangunan Kurikulum.